



UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SURAT PEKELILING PENDAFTAR

Tarikh: 15 Julai 2005

Bilangan 1/2005

Ruj: UMS/PN2.1/P5/2-1

2/2005

SURAT PEKELILING PENDAFTAR BIL. 2/2005

PEMAKAIAN PAKAIAN BATIK MALAYSIA OLEH PEGAWAI AWAM

PADA HARI PERTAMA DAN HARI KE-15 SETIAP BULAN

1.0 ← TUJUAN

- 1.1 Surat Pekeliling ini dikeluarkan bertujuan bagi melaksanakan arahan di dalam surat edaran Jabatan Perkhidmatan Awam bernombor rujukan JPA(S)TT.193/37/Jld. 4 (86) bertarikh 30 Jun 2005 yang menghendaki semua pegawai awam memakai pakaian batik Malaysia pada hari pertama dan hari ke-15 setiap bulan.

2.0 LATARBELAKANG

- 2.1 Sehubungan itu, arahan pemakaian batik oleh pegawai awam khususnya batik buatan Malaysia pada hari Sabtu bekerja atau hari bekerja separuh hari yang lain yang dikeluarkan melalui surat edaran Jabatan Perkhidmatan Awam bernombor rujukan JPA(S)TT.193/37/Jld. 4 (57) bertarikh 9 November 2005 adalah dengan sendirinya terbatal.

3.0 PERLAKSANAAN

pihak Pengurusan Universiti

- 3.1 Oleh yang demikian, kerajaan telah memutuskan supaya pakaian batik dipakai oleh pegawai awam pada hari pertama dan hari ke-15 setiap bulan. Sekiranya

[1]

tarikh-tarikh tersebut jatuh pada hari cuti umum atau pada hari cuti hujung minggu, pemakaianya tidak perlu diganti pada tarikh yang lain.

- 3.2 Sekiranya hari pertama dan hari ke-15 jatuh pada hari Jumaat, pegawai awam lelaki Islam diberi pilihan sama ada memakai pakaian batik bersongkok warna gelap iaitu hitam atau biru tua (seperti yang digalakkan melalui surat Edaran JPA(S)TT.193/37/Jld.4(77) bertarikh 15 Mac 2005). Pegawai yang bukan beragama Islam dan pegawai wanita diwajib memakai baju batik.
- 3.3 Arahan pemakaian batik pada hari pertama dan hari ke-15 setiap bulan ini tidak terpakai kepada pegawai yang dibekalkan dengan pakaian seragam dan dikehendaki memakainya atau pegawai yang menghadiri majlis rasmi yang menetapkan pemakaian jenis pakaian yang lain.
- 3.4 Perlu ditegaskan juga, pakaian batik yang dimaksudkan ialah batik buatan Malaysia. Bagi pegawai lelaki, mereka hendaklah memakai batik berlengan panjang dan berkollar, manakala bagi wanita pula mereka boleh memakai pakaian batik yang bersesuaian.

4.0 PENUTUP

- 4.1 Surat Pekeliling ini **berkuatkuasa mulai tarikh 15 Julai 2005**.
- 4.2 Semua Ketua Jabatan/Bahagian/Sekolah/Pusat/Institut/Unit diminta mengambil maklum mengenai perkara ini memanjangkan kepada semua kakitangan di bawah seliaan masing-masing.

“BERTEKAD CEMERLANG”

Sekian. Terima Kasih.

Yang ikhlas

HELA LADIN MOHD. DAHALAN

Pendaftar
b/p Naib Canselor